

NO. SOALAN : 137

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 JUN 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** untuk menyatakan maklumat dan perkembangan Dana Khas GTFS sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Semenjak Skim Pinjaman Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme* - GTFS) diperkenalkan, sebanyak 312 buah projek telah diberikan pensijilan hijau dengan jumlah kos keseluruhan kompenen hijau bernilai RM5.18 billion. Dari jumlah ini, 135 projek telah berjaya mendapat tawaran pembiayaan dari institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam GTFS dengan jumlah tawaran pembiayaan sebanyak RM1.89 billion.

2. Daripada jumlah keseluruhan projek diberikan pensijilan hijau, sektor tenaga merupakan sektor tertinggi menerima pembiayaan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM1.53 billion bagi 100 projek, diikuti 31 projek di bawah sektor air dan pengurusan sisa dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM337 juta. Manakala, sektor bangunan dan pengangkutan hanya diluluskan sebanyak dua (2) projek setiap sektor dengan kelulusan pembiayaan masing-masing berjumlah RM16.4 juta dan RM6.95 juta.

3. Dalam usaha menggalakkan penyertaan pihak industri di dalam Skim GTFS, *Malaysian Green Technology Corporation* (GreenTech Malaysia - MGTC) telah membuat beberapa penambahbaikan termasuk:

- a) mewujudkan sesi runding dan nasihat kepada pemohon-pemohon dan Institusi Perbankan melalui "Pitching Session", di mana GreenTech Malaysia bertindak sebagai perantara bagi kedua-dua pihak pemohon dan peminjam menyelesaikan perkara/isu berbangkit;
- b) menganjurkan Green Technology Roadshow bersama-sama Bank Negara Malaysia sepanjang tahun bagi tujuan meningkatkan kesedaran di kalangan Institusi Kewangan;
- c) mengadakan taklimat dan ceramah di kalangan pelbagai pihak berkepentingan termasuk sektor-sektor swasta, Kerajaan, pengilang-pengilang dan institusi pengajian tinggi awam/swasta; dan
- d) mengadakan *business matching* serta program dialog bersama pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi

kewangan, kerajaan dan pengusaha industri berkenaan isu-isu berbangkit dalam pelaksanaan GTFS.

4. Dari segi impak GTFS, kesemua projek yang telah diberi pensijilan hijau berupaya menjana pelaburan sebanyak RM14.7 bilion dan dapat mewujudkan sebanyak 4,993 pekerjaan hijau (*green jobs*). Dari aspek alam sekitar pula, projek-projek tersebut mampu mengurangkan sebanyak 10.7 juta ton karbon dioksida setahun.
5. Dilihat dari tren peningkatan permohonan serta disokong oleh dasar-dasar proaktif dan insentif-insentif lain seperti Feed-in-Tariff (FiT), Kerajaan yakin industri teknologi hijau akan terus berkembang maju dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bersama GreenTech Malaysia akan terus mengadakan aktiviti promosi dan penggalakkan mengenai GTFS untuk memberi penjelasan dan penerangan tentang kepentingan industri teknologi hijau seterusnya mengalakkan sektor industri melabur dalam industri teknologi hijau.
